

17 Julai 2026

**SIARAN AKHBAR**

*Untuk Siaran Segera*

## **PUSPAKOM MEMPERKENALKAN TEMPAHAN AKSES AWAL GICHECK UNTUK PEMERIKSAAN LEBIH CEPAT**

### **Intipati Kenyataan**

- Pelanggan kini dapat membuat tempahan pemeriksaan kenderaan persendirian lebih cepat, untuk hari berikutnya, bermula **19 Julai 2026** dengan **Tempahan Akses Awal GiCheck atau GiCheck Early Access Reservation ("G.E.A.R")**, di cawangan PUSPAKOM terpilih
- Perkhidmatan baharu ini membolehkan pelanggan mendapatkan janji temu pemeriksaan lebih awal **tanpa menjejaskan ketersediaan slot janji temu untuk pelanggan sedia ada**.
- Pelaksanaan perintis akan dimulakan di beberapa pusat pemeriksaan terpilih sebelum diperluaskan secara berperingkat ke seluruh negara

---

**SHAH ALAM, Jumaat, 17 Julai 2026** – Pelanggan kenderaan persendirian yang memerlukan pemeriksaan segera kini boleh mendapatkan slot pemeriksaan lebih awal menerusi pelancaran **Tempahan Akses Awal GiCheck atau GiCheck Early Access Reservation ("G.E.A.R")** oleh PUSPAKOM. G.E.A.R adalah perkhidmatan premium untuk pelanggan mendapatkan tempahan pemeriksaan lebih awal untuk hari berikutnya, di pusat pemeriksaan terpilih.

Perkhidmatan ini akan dilancarkan pada **19 Julai 2026** menerusi platform tempahan talian GiCheck, dan memberikan satu lagi pilihan tambahan kepada pelanggan apabila slot pemeriksaan biasa telah penuh atau apabila pemeriksaan diperlukan dalam tempoh yang singkat. Inisiatif ini dijangka akan memberi manfaat kepada pemilik kenderaan persendirian, pembeli dan penjual yang sedang menjalankan urusan pertukaran hak milik, serta pelanggan yang memerlukan pemeriksaan segera. Sebagai permulaan, perkhidmatan ini akan ditawarkan di cawangan **PUSPAKOM Batu Caves, Glenmarie dan Wangsa Maju** sebagai projek perintis sebelum diperluaskan secara berperingkat berdasarkan permintaan pelanggan.

Perkhidmatan baharu ini diperkenalkan bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap fleksibiliti untuk mendapatkan tempahan pemeriksaan lebih awal, khususnya semasa waktu permintaan tinggi seperti waktu hujung bulan, musim perayaan dan ketika urusan niaga kenderaan meningkat.

G.E.A.R direka untuk meningkatkan kemudahan kepada pelanggan di samping mengoptimumkan ketersediaan slot pemeriksaan di seluruh rangkaian pusat pemeriksaan PUSPAKOM, **tanpa menjejaskan slot pemeriksaan biasa** yang akan terus disediakan kepada pelanggan di seluruh negara.

### **PILIHAN LEBIH PANTAS UNTUK PELANGGAN YANG MEMERLUKAN PEMERIKSAAN SEGERA**

G.E.A.R ditawarkan bagi pemeriksaan kenderaan persendirian yang layak pada **Kadar Pengenalan sebanyak RM150 bagi setiap kenderaan**. Pelanggan yang memilih perkhidmatan ini akan menerima pengesahan slot janji temu pemeriksaan prioriti melalui platform GiCheck.

Bagi memastikan slot pemeriksaan masih dapat diakses oleh semua pelanggan, hanya sebahagian kecil daripada kapasiti pemeriksaan harian di setiap cawangan yang mengambil bahagian akan diperuntukkan untuk perkhidmatan G.E.A.R, manakala **sebahagian besar slot pemeriksaan akan terus tersedia menerusi sistem tempahan biasa**.

### **MENINGKATKAN PENGALAMAN PELANGGAN MELALUI PILIHAN YANG LEBIH FLEKSIBEL**

**Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mahmood Razak Bahman** berkata, G.E.A.R mencerminkan komitmen berterusan syarikat dalam meningkatkan kemudahan kepada pelanggan dengan menyediakan lebih fleksibiliti, di samping memastikan akses yang adil bagi semua pelanggan untuk slot pemeriksaan.

"Keperluan pelanggan hari ini semakin pelbagai dan mereka mengharapkan perkhidmatan yang bukan sahaja cekap dan boleh dipercayai, malah cukup fleksibel untuk memenuhi keperluan yang berbeza. G.E.A.R diperkenalkan untuk **memberi pilihan kepada pemilik kenderaan persendirian yang memerlukan slot janji temu pemeriksaan dalam tempoh yang lebih singkat, tanpa menjejaskan peluang pelanggan lain untuk mendapatkan slot pemeriksaan melalui sistem tempahan sedia ada**."

"Inisiatif ini bertujuan meningkatkan pengalaman pelanggan dengan menawarkan lebih banyak pilihan. Sama ada bagi mereka yang sedang melengkapkan urusan pertukaran hak milik kenderaan, memenuhi keperluan pembiayaan atau berdepan situasi yang tidak dijangka, pelanggan kini mempunyai fleksibiliti untuk mendapatkan slot janji temu pemeriksaan yang lebih awal apabila diperlukan," kata Mahmood.

Semua pelanggan boleh melayari [www.puspakom.com.my](http://www.puspakom.com.my) atau mengakses platform GiCheck untuk maklumat lanjut mengenai jenis pemeriksaan yang layak, cawangan yang mengambil bahagian serta ketersediaan slot tempahan.

**LAMPIRAN FOTO/GAMBAR**

| No & Nama Fail                   | Foto/Gambar                                                                        | Kapsyen                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|----------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Photo 1:</b><br>IMG_2161.jpeg |   | <p>PUSPAKOM memperkenalkan GiCheck Early Access Reservation (G.E.A.R), satu pilihan tempahan premium baharu yang menawarkan pemilik kenderaan persendirian akses lebih cepat untuk pemeriksaan pada hari berikutnya di cawangan PUSPAKOM terpilih.</p>                                                     |
| <b>Photo 2:</b><br>IMG_2162.jpeg |  | <p>Seorang Pemeriksa Kenderaan menjalankan pemeriksaan ke atas sebuah kenderaan.</p> <p>Tempahan Akses Awal GiCheck atau GiCheck Early Access Reservation ("G.E.A.R") membolehkan pelanggan mendapatkan pemeriksaan lebih awal di cawangan PUSPAKOM terpilih bagi keperluan pemeriksaan yang mendesak.</p> |

## **UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI:**

### **Siti Khairuddin**

Ketua Komunikasi Pemasaran  
PUSPAKOM Sdn Bhd  
Tel: 03 - 2052 7769  
H/P: 012 - 382 8550

### **Azimy Wan Ahmad**

Ketua Komunikasi & Penjenamaan  
Bahagian Komunikasi Pemasaran  
PUSPAKOM Sdn Bhd  
Tel: 03 - 2052 7322  
H/P: 019 - 286 1486

### **Nik Haizan Nik Zambri**

Pengurus Komunikasi & Penjenamaan  
Bahagian Komunikasi Pemasaran  
PUSPAKOM Sdn Bhd  
Tel: 03 2052 7547  
H/P: 012 - 262 0114

---

## **MENGENAI PUSPAKOM SDN BHD**

PUSPAKOM Sdn Bhd (PUSPAKOM) merupakan syarikat pemeriksaan kenderaan berlesen pertama di Malaysia dengan pengalaman operasi melebihi 30 tahun dalam industri automotif negara yang kini diliberalisasikan. Peranan utamanya adalah memastikan kenderaan berada dalam keadaan selamat digunakan di jalan raya serta mematuhi piawaian keselamatan dan pelepasan yang ditetapkan oleh kerajaan, sejajar dengan usaha meningkatkan keselamatan jalan raya dan kelestarian alam sekitar.

PUSPAKOM mempunyai rangkaian operasi yang meluas di seluruh negara dengan 53 pusat pemeriksaan serta 30 tapak lawatan khusus bagi kawasan luar bandar, yang dilengkapi teknologi diperakui dan dikalibrasi. Bagi memenuhi keperluan pengguna moden dan pengendali kenderaan komersial, PUSPAKOM turut menyediakan perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak melalui 10 trak bergerak, 36 van bergerak dan 4 unit ringan, yang menawarkan perkhidmatan di lokasi termasuk pemeriksaan awal dan berkala bagi kenderaan komersial serta urusan tukar milik dan pembaharuan cukai jalan bagi kenderaan persendirian.

PUSPAKOM terus komited dalam memacu inovasi digital dan kecekapan operasi dengan menyediakan perkhidmatan pemeriksaan yang pantas, profesional dan mudah diakses melalui platform bersepadu. Untuk maklumat lanjut atau untuk membuat tempahan pemeriksaan kenderaan, layari [www.GiCheck.my](http://www.GiCheck.my).

## FAKTA PUSPAKOM

### Pengenalan

PUSPAKOM Sdn Bhd merupakan syarikat pemeriksaan kenderaan berlesen pertama di Malaysia dengan pengalaman lebih 30 tahun dalam menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di seluruh negara, selaras dengan perkembangan industri automotif yang diliberalisasikan.

### Mandat Teras

- Menjalankan pemeriksaan kenderaan bagi memastikan kelayakan di jalan raya
- Memastikan pematuhan terhadap piawaian keselamatan yang ditetapkan Kerajaan
- Menyokong kelestarian alam sekitar melalui ujian pelepasan

### Rangkaian Nasional

- 53 Pusat Pemeriksaan di seluruh Malaysia
- 30 Tapak Lawatan bagi kawasan luar bandar dan terpencil
- Liputan menyeluruh bagi memastikan akses perkhidmatan di seluruh negara

### Perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak

PUSPAKOM menyediakan perkhidmatan pemeriksaan di lokasi untuk pelanggan komersial dan persendirian:

- **10 trak bergerak - (Untuk syarikat yang mempunyai kumpulan kenderaan besar.)**
  - Sasaran: armada komersial dan pelanggan korporat
  - Perkhidmatan: Pemeriksaan Awal, Pemeriksaan Berkala, Pemeriksaan Sewa Beli (B7)
- **36 van bergerak - (Untuk pemilik kenderaan persendirian)**
  - Sasaran: pemilik kenderaan persendirian
  - Perkhidmatan: Pemeriksaan Tukar Milik, Pembaharuan Cukai Jalan, Pendaftaran Kenderaan Import
- **4 unit ringan**
  - Menyokong keperluan penugasan fleksibel dan pantas

### Perkhidmatan Nilai Tambah (Ancillary Services)

PUSPAKOM menawarkan pelbagai perkhidmatan sampingan yang dirancang bagi menyokong keperluan komersial, operasi serta penglibatan pelanggan, termasuk:

- **Perkhidmatan Pengiklanan dan Sewaan Ruang**
  - Pelbagai pilihan pengiklanan dan sewaan ruang yang komprehensif, disesuaikan mengikut keperluan pemasaran. Ini merangkumi penempatan luar berimpak tinggi serta pendedahan di lokasi dan secara mobil, bagi memberikan keterlihatan yang disasarkan kepada pelanggan di seluruh rangkaian PUSPAKOM di seluruh negara
- **Perkhidmatan Insurans Kenderaan dan Pembaharuan Cukai Jalan**
  - Perkhidmatan pembaharuan insurans kenderaan dan cukai jalan yang mudah dan pantas, bagi meningkatkan pengalaman pelanggan melalui penyediaan penyelesaian nilai tambah yang lancar di semua titik sentuhan PUSPAKOM
- **Perkhidmatan Perundingan Pengurusan Kenderaan (VMCS)**
  - Program latihan dan kesedaran yang berstruktur, bertujuan meningkatkan aspek keselamatan kenderaan, pematuhan peraturan serta kecekapan operasi bagi organisasi yang menguruskan armada kenderaan, selain turut memberi manfaat kepada orang awam

#### **AKSES DIGITAL DAN TEMPAHAN**

- Laman web rasmi: [www.puspakom.com.my](http://www.puspakom.com.my)
- Tempahan dalam talian melalui [www.GiCheck.my](http://www.GiCheck.my)
- Tempahan pukal dan korporat melalui: [marketing@puspakom.com.my](mailto:marketing@puspakom.com.my)

#### **KEUPAYAAN DAN STANDARD**

- Penggunaan peralatan pemeriksaan yang diperakui dan dikalibrasi
- Pematuhan kepada rangka kerja kawal selia dan standard yang ketat
- Pelaksanaan protokol pemeriksaan yang seragam di seluruh negara

#### **SEGMENT PELANGGAN**

- Pemilik kenderaan persendirian
- Pengendali armada komersial
- Syarikat logistik dan penghantaran
- Pengangkutan awam termasuk bas dan teksi
- Pemandu e-hailing
- Institut memandu
- Pengedar dan pengimport automotif

### KOMITMEN PERKHIDMATAN

- Penyampaian perkhidmatan yang pantas dan cekap
- Tenaga kerja pemeriksa yang profesional dan terlatih
- Akses perkhidmatan yang lebih luas melalui saluran fizikal dan bergerak

### FOKUS STRATEGIK

- Memperkukuh keselamatan jalan raya di peringkat nasional
- Menyokong pematuhan terhadap keperluan alam sekitar
- Memperluas integrasi digital dan akses perkhidmatan
- Meningkatkan kecekapan operasi dalam landskap industri yang diliberalisasikan